

Penyair Sabah gegar pentas

» Gabungan penyair muda dan veteran hangatkan Malam Puisi Riong

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Malam Puisi Riong BH-Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bakal berlangsung di Pekarangan Dewan Canselor, UMS, Kota Kinabalu, pada 11 September ini, diharap dapat melonjakkan peluang lebih besar kepada penyair dan deklamator Sabah untuk menerosob pentas nasional.

Penulis muda, Awang Ali Ag Md Kassim atau lebih dikenali sebagai Ampuan Awang, berkata pentas puisi anjuran bersama BH dan UMS itu berupaya membuka jalan kepada masyarakat untuk melihat kemeriahan acara sastera di Sabah dan Sarawak.

"Biarlah dengan penganjuran acara apresiasi puisi itu, masyarakat sekurang-kurangnya dapat mendengar 'suara' dari Sabah dan Sarawak.

Beri ruang penulis muda

Pentas puisi itu nanti bukan semata-mata untuk kami melihat keupayaan diri sendiri, sebaliknya membuktikan kesungguhan penyair dan deklamator dari Negeri Di Bawah Bayu dalam memartabatkan seni sastera tanah air," katanya kepada *Sastera BH*, baru-baru ini.

Ampuan Awang berkata, penulis muda juga wajar diberikan peluang untuk tampil di pentas puisi dan tidak hanya menampilkan penyair mapan sebagai langkah meneruskan kesinambungan generasi pelapis dalam sastera.

"Ia dapat membuka ruang dan skop kepenyairan tanah air yang lebih luas kerana masing-masing ada kelebihan dan kekurangan yang akan saling menyempurnakan. Saya berharap *BH* dapat menjadi penyampai dan penyalur kepada suara kami yang selama ini mungkin lebih banyak terbabit dalam kegiatan dalam negeri saja," katanya.

Ampuan Awang berkata, beliau memilih puisinya, *Jebat, Maafkan Diriku* yang meniupkan kesedaran kepada bangsa Melayu, sekali gus bersesuaian dengan tema dan khlayak penonton yang ramai.

Pandangan itu senada dengan penulis dan dramatis, Noor Aisah Maidin yang mengharapkan suara dan semangat puitis Malam Puisi Riong BH-UMS dapat difahami oleh generasi muda khususnya pelajar UMS.

"Penganjurannya di pusat pengajian tinggi ialah salah satu cara untuk membuka ruang sastera yang lebih luas, sekali gus pelajar itu dapat membawa semangat cintakan sastera ke luar kampus.

"Selama ini kita dapat lihat pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang banyak memberikan sumbangan besar kepada sastera khususnya apabila mereka menamatkan pengajian," katanya.

Bakat muda berpotensi

Noor Aisah berkata, Malam Puisi Riong yang menggabungkan penyair dan deklamator dari Sabah serta Semenanjung itu juga dapat memberikan pendedahan kepada mereka pada pentas puisi.

"Bakat muda yang berpotensi sememangnya ramai di Sabah kerana kami sering menganjurkan pertandingan deklamasi sajak dan syair khususnya pada peringkat sekolah.

"Pada masa sama, bakat baru juga dilatih melalui pembabitatan dalam persatuan seperti Ikatan Penulis Sabah (IPS) dan Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA), selain deklamator yang mencipta nama pada Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kebangsaan seperti Datu Ruslan Sulai," katanya.

Noor Aisah berkata, beliau memilih untuk mendendangkan syair yang mengangkat kemerdekaan dan kemajuan Sabah yang dicapai serta dinikmati melalui Malaysia.

"Saya yakin dapat menyampaikan pesan itu melalui syair kerana bentuknya yang memudahkan kita menyalurkan mesej daripada perkataan pertama hingga terakhir secara berima," katanya.

Kenang jasa Perdana Menteri

Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2005, Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) pula memilih puisinya, *Malaysia Merdeka* untuk dideklamasikan yang memberi gambaran gagasan setiap Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj hingga Datuk Seri Najib Razak.

"Sempena menyambut Kemerdekaan dan Hari Malaysia ini, kita wajar mengingat kembali jasa Perdana Menteri yang berjuang habis-habisan sehingga berjaya membawa kemajuan dan pembangunan pesat dalam negara. Sajak saya meneliti



setiap perjuangan mereka seperti Tun Abdullah Ahmad Badawi yang membawa Islam Hadhari dan Datuk Seri Najib Razak yang memperkenalkan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," katanya.

Malam Puisi Riong BH-UMS bertemakan *Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia* itu, turut menampilkan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid; Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pensyarah Fakulti Pengajian Seni, UMS, Mohammad Fuad Bebit.

Acara yang bermula jam

7.30 malam itu, juga dimeriahkan oleh penyair dan dramatis terkenal tanah air, Khalid Salleh; penyanyi lagu puisi, Sani Sudin; deklamator yang juga jurugambar The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datu Ruslan Sulai dan penyanyi lagu puisi, Awang Karim Kadir.



Abdul Ghafar Ibrahim



Sani Sudin



Khalid Salleh



Awang Karim Kadir



Noor Aisah Maidin